

14 DEC 1998

ASEAN MAHU KEMBOJA JADI ANGGOTANYA, KATA MAHATHIR

Oleh: E Sivabalan

HANOI, 14 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membayangkan corak perbincangan pada sidang kemuncak Asean keenam di sini yang bermula esok, dengan menyatakan bahawa Asean berharap untuk menerima Kemboja ke dalam pertubuhan serantau itu pada persidangan kali ini.

"Ya, kita rasa begitulah," kata Dr Mahathir kepada pemberita di sini apabila ditanya sama ada beliau berpendapat Kemboja seharusnya diterima sebagai anggota Asean di Hanoi.

Dr Mahathir, yang berada di sini untuk menghadiri sidang kemuncak selama dua hari itu, bagaimanapun enggan mengulas lebih lanjut ketika ditemui di hotel tempat penginapannya.

Asean kini dianggotai Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Dr Mahathir dan pemimpin Asean yang lain dijangka membincangkan soal kemasukan Phnom Penh ke dalam pertubuhan itu pada majlis makan malam tidak rasmi mereka di sini malam ini.

Perdana Menteri dijangka mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Kemboja Hun Sen petang ini.

Hun Sen berada di sini bagi lawatan dua hari.

-- BERNAMA

ES rn NMO